



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI TERHADAP KUALITI DAN KEPUASAN PERUMAHAN
DALAM KALANGAN PEMILIK RUMAH KOS RENDAH DI KOTA
KINABALU SABAH MALAYSIA**

SUZILYNDA SUKIMIN

FEM 2008 14



**PERSEPSI TERHADAP KUALITI DAN KEPUASAN PERUMAHAN DALAM
KALANGAN PEMILIK RUMAH KOS RENDAH DI KOTA KINABALU SABAH
MALAYSIA**

SUZILYNDA SUKIMIN

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2008



**PERSEPSI TERHADAP KUALITI DAN KEPUASAN PERUMAHAN DALAM
KALANGAN PEMILIK RUMAH KOS RENDAH DI KOTA KINABALU SABAH
MALAYSIA**

SUZILYNDA SUKIMIN

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2008



**PERSEPSI TERHADAP KUALITI DAN KEPUASAN PERUMAHAN DALAM
KALANGAN PEMILIK RUMAH KOS RENDAH DI KOTA KINABALU SABAH
MALAYSIA**

Oleh

SUZILYNDA SUKIMIN

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Jun 2008





Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PERSEPSI TERHADAP KUALITI DAN KEPUASAN PERUMAHAN DALAM
KALANGAN PEMILIK RUMAH KOS RENDAH DI KOTA KINABALU SABAH,
MALAYSIA**

Oleh

SUZILYNDA SUKIMIN

Jun 2008

Pengerusi : Profesor Nurizan Bt. Yahaya, PhD

Fakulti : Ekologi Manusia

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi kualiti dan kepuasan perumahan dalam kalangan pemilik rumah kos rendah di Kepayan Ridge, Kota Kinabalu, Sabah. Objektif khusus kajian ialah untuk mengenal pasti tahap persepsi kualiti perumahan pemilik rumah kos rendah, membandingkan persepsi terhadap kualiti perumahan di antara pemilik rumah teres dengan pemilik rumah pangsa, mengenal pasti tahap kepuasan perumahan pemilik rumah kos rendah, membandingkan tahap kepuasan perumahan di antara pemilik rumah teres dengan pemilik rumah pangsa dan menentukan faktor yang mempengaruhi kepuasan perumahan pemilik rumah kos rendah.

Responden terdiri daripada 200 orang pemilik rumah kos rendah jenis teres dan pangsa yang tinggal di Kepayan Ridge, Kota Kinabalu, iaitu seramai 100 orang bagi setiap jenis rumah. Pemilihan responden dibuat dengan menggunakan kaedah persampelan sistematik.



Data dikutip dengan menggunakan borang soal selidik. Hasil analisis diskriptif latar belakang demografi dan perumahan responden menunjukkan majoriti (93%) responden adalah lelaki dan kebanyakan (58%) berusia dalam lingkungan 40 tahun sehingga 49 tahun dengan purata umur 44.4 tahun. Sebahagian besar responden hanya mencapai tahap pendidikan sehingga sekolah menengah atas (tingkatan 4 dan 5). Untuk menampung perbelanjaan keluarga hampir keseluruhan (90.5%) responden bekerja dan kebanyakan (35.5%) responden menerima pendapatan bulanan isirumah di antara RM1,500 hingga RM1,999 dengan purata jumlah pendapatan bulanan sebanyak RM1,265.

Hasil kajian berkaitan latar belakang perumahan mendapati purata tempoh menetap responden di perumahan sekarang ialah 10 tahun dan majoriti (89.5%) responden mempunyai saiz isirumah antara 4 orang hingga 6 orang dengan purata saiz isirumah seramai 4.9 orang. Secara keseluruhannya kebanyakan (71%) rumah responden masih kekal memiliki dua bilik tidur dengan purata bilangan penghuni bagi setiap bilik ialah seramai 2.4 orang. Keseluruhannya (56%) responden menyatakan harga rumah sekarang adalah berpatutan dan faktor utama (63.5%) responden memilih kawasan perumahan sekarang kerana lokasinya yang berhampiran dengan tempat kerja.

Majoriti responden mempunyai persepsi bahawa kualiti (73%) dan kepuasan (92%) perumahan mereka di tahap yang sederhana. Analisis ujian-t telah digunakan untuk mengenalpasti perbezaan persepsi kualiti dan kepuasan perumahan responden rumah teres dan pangsa. Hasil analisis mendapati tiada perbezaan yang signifikan dari segi persepsi kualiti perumahan antara responden rumah teres dan pangsa dengan nilai $t = 1.39$,

$p \geq 0.05$. Namun demikian, terdapat perbezaan yang signifikan bagi kepuasan perumahan di antara responden teres dan pangsa iaitu nilai ($t = 5.31, p \leq 0.001$) dengan nilai min bagi kepuasan isirumah teres (min = 144.77) lebih tinggi berbanding kepuasan isirumah pangsa (min = 133.39).

Hasil analisis Regresi Berhierarchy menunjukkan terdapat dua pembolehubah yang signifikan menyumbang kepada kepuasan perumahan kos rendah, yang pertama ialah status pekerjaan ($\beta = -.276, p \leq 0.001$) dan yang kedua ialah persepsi kualiti fizikal rumah ($\beta = -.327, p \leq 0.001$). Hubungan yang ditunjukkan oleh status pekerjaan dan persepsi kualiti fizikal rumah adalah berbentuk negatif. Ini bermakna tahap kepuasan perumahan bagi responden yang tidak bekerja lebih tinggi berbanding responden yang bekerja. Manakala bagi persepsi kualiti fizikal rumah, semakin berkurangan masalah kualiti perumahan, maka semakin tinggi kepuasan perumahan. Sebaliknya, semakin banyak masalah kualiti perumahan, maka semakin rendah kepuasan perumahan responden.

Melalui hasil kajian, didapati responden yang tinggal di rumah teres lebih berpuas hati dengan perumahan mereka berbanding dengan responden yang tinggal di rumah pangsa. Oleh itu, dicadangkan rumah jenis teres lebih banyak dibina dalam program pembangunan perumahan kos rendah. Perumahan yang disediakan perlu berkualiti dari segi struktur fizikal dan dilengkapi dengan kemudahan yang diperlukan untuk meningkatkan kualiti kehidupan isirumah.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**PERCEPTION TOWARDS HOUSING QUALITY AND SATISFACTION
AMONG LOW COST HOUSEHOLDERS IN KOTA KINABALU SABAH,
MALAYSIA**

By

SUZILYNDA SUKIMIN

June 2008

Chairman : Professor Nurizan Bt. Yahaya, PhD

Faculty : Human Ecology

The general objective of this study was to determine the perception on housing quality and satisfaction among low cost householders at Kepayan Ridge, Kota Kinabalu, Sabah. The specific objectives of this study were to determine the level of perception of low cost householders towards housing quality, to compare the perception towards housing quality between terrace and flat householders, to determine the level of satisfaction of low cost householders, to compare the level of housing satisfaction between terrace and flat householders, and to determine the factors that influence housing satisfaction of low cost householders.

The respondents consisted of 200 householders of low cost terrace houses and flats at Kepayan Ridge Kota Kinabalu, a total of 100 respondents from each type of housing. The selection of respondents was conducted using systematic sampling method. Data were



collected by the means of questionnaire. The result of descriptive analysis of demographic background and the housing respondents showed that a majority (93%) of the respondents were males and mostly (58%) were between 40 to 49 years old with the average age of 44.4 years old. Most of the respondents attained secondary level of education (form 4 and 5). To earn a living, almost all (90.5%) respondents were employed and most of (35.5%) the respondents earned household monthly income between RM1,500 to RM1,999 with an average monthly income of RM1,265.

The result concerning the housing background showed that the average duration the respondents stayed in the present houses were 10 years and a majority (89.5%) of the respondents have a household size between 4 to 6 people with household size average of 4.9 people. Overall, most (71%) of the respondent's houses were still with two bedrooms, with an average number of occupants in each room of 2.4 people. Most (56%) respondents stated that the current housing price were reasonable and the main factor (63.5%) the respondents attributed for choosing the present housing area was its location being close to their places of work.

A majority of the respondents had the perception that their housing quality (73%) and satisfaction (92%) were at a moderate level. T-test analysis was used to determine the differences between the perception towards housing quality and satisfaction of terrace and flat respondents. The result of the analysis showed no significant difference in the housing quality perception between terrace and flat respondents with t value = 1.39, $p \geq 0.05$. However, there was a significant difference in the housing satisfaction between

terrace and flat respondents, in which the value ($t = 5.31, p \leq 0.001$) with the mean value for satisfaction of terrace householders (mean = 144.77) higher compared to that of flat householders (mean = 133.39).

The Hierarchical Regression Analysis result showed two significant variables that contributed to the low cost housing satisfaction. The first was the working status ($\beta = -.276, p \leq 0.001$) and the second was physical housing quality perception ($\beta = -.327, p \leq 0.001$). The relationship between working status and physical housing quality was negatively correlated. This means that the level of housing satisfaction unemployed respondents is higher than compared to employed respondents. Meanwhile, for the perception on physical housing quality, it was found that less low housing quality problems result in higher housing satisfaction, and more housing quality problems, the lower housing satisfaction of respondents.

From the results, it was found that respondents living in terrace houses were more satisfied with their housing compared to respondents living in flats. Therefore, it is proposed that more terrace housing should be built in the low cost housing development programme. The houses provided need to be of good quality in terms of physical structure specifications and should be equipped with facilities which are necessary to improve the household quality of life.



PENGHARGAAN

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syukur dan berterima kasih kepada Tuhan Yesus Kristus kerana anugerah berkat kasih dan kemurahanNya yang menyertai saya sepanjang tempoh pengajian di UPM. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Penyelia Tesis saya Prof. Dr. Nurizan Yahaya yang telah banyak membantu memberi tunjuk ajar, meluangkan masa, berbincang, menyemak dan menilai hasil penulisan ini. Di samping itu, menjadi pendorong yang amat memahami dan sabar menentikan saya menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis yang lain iaitu Prof. Madya Dr. Laily Hj. Paim dan Dr. Nobaya Ahmad atas tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada para responden kajian iaitu Penduduk Rumah Murah Kepyayan Ridge, Kota Kinabalu atas kerjasama yang diberikan. Penghargaan ini juga ditujukan kepada kakitangan di Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Negeri Sabah yang banyak memberi maklumat perumahan yang diperlukan.

Buat ahli keluarga tersayang, Papa, Mama dan Nenek terima kasih yang tidak terhingga atas kasih sayang, dorongan, dan nasihat kalian, sesungguhnya kalian merupakan permata hati dan sumber inspirasiku. Buat adik-adik yang amat saya kasihi Osong, Ondok, Adung, Tinting dan Titi yang sentiasa menyokong dan membawa kegembiraan dalam hidup kakak. Ucapan terima kasih yang teristimewa buat suami tersayang iaitu En. Roger Dingkai yang selalu menjadi tulang belakang walau dalam keadaan susah dan senang.

Seterusnya kepada teman-teman seperjuangan yang dikasihi Ju, Jasmin, Farah, Ben dan Chai terima kasih tidak terhingga di atas segala tunjuk ajar, nasihat dan dorongan kalian. Sesungguhnya jasa baik kalian tidak dapat saya balas, hanya sekalung doa yang dapat saya berikan agar kalian sentiasa diberkati dan berjaya dalam segala aspek kehidupan.

Buat teman-teman yang saya sayangi Pris, Rosemary, Pat, Suzy, Rysalls, Abang Am, Hamimah, Tunung, Linda, Flora, Jahara, Elis, Za, Oliver dan Carol yang sentiasa menjadi teman yang setia dan menerima saya seadanya. Terima kasih atas persahabatan yang ikhlas dan indah yang kalian berikan, sesungguhnya saya amat diberkati dan bersyukur kerana dianugerahi sahabat seperti kalian.

Akhir sekali kepada semua pihak yang terlibat sama ada individu, organisasi, agensi kerajaan ataupun kepada pihak-pihak tertentu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan hanya Tuhan saja yang dapat membalas jasa kalian.



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan bagi Suzilynda Sukimin telah mengadakan peperiksaan akhir pada 10 Jun 2008 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "Persepsi Terhadap Kualiti Dan Kepuasan Perumahan Dalam Kalangan Pemilik Rumah Kos Rendah Di Kota Kinabalu" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Peperiksaan memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan adalah seperti berikut:

Dr. Ma'rof Redzuan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Profesor Madya Dr. Mumtazah Othman
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalaman)

Dr. Sharifah Azizah Haron
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalaman)

Profesor Dato' Dr. Mohd Razali Agus
Unisel Shah Alam
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PHD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nurizan Binti Yahaya, PhD

Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia,
(Pengerusi)

Laily Hj. Paim, PhD

Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia,
(Ahli)

Nobaya Ahmad, PhD

Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia,
(Ahli)

AINI IDERIS, PHD

Profesor Dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 16hb Oktober 2008



PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan untuk ijazah-ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi-institusi lain.

SUZILYNDA SUKIMIN

Tarikh : 15hb Ogos 2008



JADUAL KANDUNGAN

	Mukasurat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	x
PERAKUAN	xii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI CARTA	xix
BAB	
1. PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Masalah	5
1.3 Kepentingan Kajian	11
1.4 Objektif Kajian	13
Objektif Umum	13
Objektif Khusus	13
1.5 Hipotesis Kajian	14
1.6 Definisi Istilah	15
1.7 Limitasi Kajian	18
2. KAJIAN SEMULA PENULISAN	
2.1 Senario Bekalan Perumahan Di Malaysia	19
2.2 Perancangan Dan Peruntukan Perumahan	22
2.3 Prospek Perumahan Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan	26
2.4 Pelaksanaan Perumahan Kos Rendah	30
2.5 Penempatan Harga Baru Rumah Kos Rendah	31
2.6 Isu dan Cabaran Penyediaan dan Pemilikan Rumah Kos Rendah	34
2.7 Latar Belakang Perumahan Di Negeri Sabah	35
2.8 Pembahagian Rumah Kos Rendah di Negeri Sabah	39
2.9 Perumahan dan Implikasinya Terhadap Isirumah	42
2.10 Kualiti Perumahan	45
2.11 Pengukuran Kualiti Perumahan	46
2.12 Pengukuran Objektif Dan Subjektif	47
2.13 Kepuasan Perumahan	50
2.14 Pendekatan Perumahan	54
2.15 Pendekatan Sosial	54
2.16 Pendekatan Ekonomi	56
2.17 Pendekatan Ekosistem	58
2.18 Kerangka Konseptual Kajian	59



3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Rekabentuk Kajian	62
3.2	Lokasi Kajian	62
3.3	Persampelan	63
3.4	Sampel Kajian	65
3.5	Instrumen Kajian	66
3.6	Pengukuran Angkubah	66
3.7	Latar Belakang Demografi Dan Sosioekonomi Isirumah	67
3.8	Latar Belakang Perumahan	68
3.9	Persepsi Kualiti Fizikal dan Persekitaran	69
3.10	Kepuasan Perumahan	72
3.11	Analisis Data	74
3.12	Pentafsiran Hasil Analisis Ujian Regresi Berganda Berhierarchy	76
4	HASIL KAJIAN	
4.1	Latar belakang Demografi dan Sosioekonomi Responden	79
4.2	Rumusan Latar Belakang Demografi Responden	82
4.3	Latar Belakang Perumahan	83
4.4	Rumusan Maklumat Latar Belakang Perumahan	87
4.5	Persepsi Kualiti Perumahan Kos Rendah	88
4.6	Perbandingan Persepsi Terhadap Kualiti Perumahan Pemilik Rumah Teres Dengan Pangsa Pemilik Rumah Pangsa	90
4.7	Persepsi Terhadap Kualiti Perumahan Dalam Kalangan Responden Rumah Teres	91
4.8	Persepsi Terhadap Kualiti Perumahan Dalam Kalangan Responden Rumah Pangsa	95
4.9	Kesimpulan Persepsi Kualiti Perumahan	98
4.10	Kepuasan Perumahan Responden Rumah Kos Rendah	99
4.11	Perbandingan Tahap Kepuasan Perumahan Di antara Responden Rumah Teres dan Pangsa	100
4.12	Tahap Kepuasan Struktur Fizikal Rumah	100
4.13	Tahap Kepuasan Kejiranan	101
4.14	Tahap Kepuasan Hubungan Kekeluargaan	102
4.15	Tahap Kepuasan Pendidikan Anak	103
4.16	Kepuasan Kesihatan	104
4.17	Kepuasan Keselamatan	105
4.18	Kepuasan Psikososial	106
4.19	Kepuasan Kemudahan	108
4.20	Perbandingan Tahap Kepuasan Keseluruhan Pemilik Rumah Teres dan Pangsa	109
4.21	Perbandingan Nilai Min Kepuasan Perumahan Kos Rendah	111
4.22	Pengujian Hipotesis	133
4.23	Rumusan Hasil Kajian	199

5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Rumusan Kajian	120
5.2	Implikasi Kajian	124
5.3	Cadangan Kajian	128
	BIBLIOGRAFI	133
	LAMPIRAN	140
	BIODATA PENULIS	141



SENARAI JADUAL

Jadual	Mukasurat	
1.1	Keperluan dan Permintaan Perumahan di Negeri Sabah	7
2.1	Taburan Unit Rumah, Peratus dan Kadar Perubahan Tahunan Purata Unit Perumahan Mengikut Negeri, 1991 dan 2000	21
2.2	Peruntukan program perumahan awam dari Belanjawan Negara	22
2.3	Prestasi Pelaksanaan Rumah Kos Rendah Oleh Sektor Kerajaan dan Swasta dari RM2 hingga RM8	25
2.4	Perbelanjaan dan Peruntukan Pembangunan Perumahan 2001-2010	27
2.5	Sasaran Perumahan Kerajaan dan Swasta Dalam Tempoh 2006-2010	28
2.6	Keperluan Perumahan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2006-2010	29
2.7	Harga Rumah Kos Rendah Berdasarkan Lokasi, Jenis Rumah dan Golongan Sasar	32
2.8	Spesifikasi Rekabentuk Rumah Kos Rendah Di Bawah Harga Baru	33
2.9	Pencapaian Pembinaan Rumah Kos Rendah Di Sabah (RM-1-RMK9)	38
2.10	Struktur Fizikal Perumahan	48-49
4.1	Taburan Responden Mengikut Maklumat Demografi dan Sosioekonomi	81
4.2	Taburan Responden Mengikut Maklumat Latar Belakang Perumahan	86
4.3	Taburan Tahap Persepsi Kualiti Perumahan Dalam Kalangan Responden Rumah Kos Rendah	89
4.4	Perbandingan Persepsi Kualiti Perumahan Dalam Kalangan Responden Rumah Teres dan Pangsa	90
4.5	Taburan Peratusan Persepsi Terhadap Kualiti Fizikal Rumah dan Persekitaran Perumahan Dalam Kalangan Responden Rumah Teres	93-94
4.6	Taburan Peratusan Persepsi Kualiti Fizikal dan Persekitaran Perumahan Pangsa	97



4.7	Tahap Kepuasan Perumahan Kos Rendah	99
4.8	Min Aspek Kepuasan	111
4.9	Perbezaan Kualiti Perumahan Teres dan Pangsa	113
4.10	Perbezaan Kepuasan Perumahan Isirumah Teres dan Pangsa	114
4.11	Keputusan Regresi Berganda Berhirarki Kepuasan Perumahan	118
4.12	Rumusan Hasil Kajian Mengikut Hipotesis	119



SENARAI RAJAH

Rajah		Mukasurat
2.1	'Model Causal' Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kepuasan Perumahan	52
2.2	Kerangka Kajian Persepsi Terhadap Kualiti dan Kepuasan Perumahan Dalam Kalangan Pemilik Rumah Kos Rendah di Kota Kinabalu, Sabah.	60
4.1	Tahap Kepuasan Struktur Fizikal Rumah	100
4.2	Tahap Kepuasan Kejiranan	101
4.3	Tahap Kepuasan Hubungan Kekeluargaan	102
4.4	Tahap Kepuasan Pendidikan Anak	103
4.5	Tahap Kepuasan Kesihatan	105
4.6	Tahap Kepuasan Keselamatan	106
4.7	Tahap Kepuasan Aspek Psikososial	107
4.8	Tahap Kepuasan Kemudahan	108
4.9	Tahap Kepuasan Perumahan Pemilik Rumah Teres dan Pangsa	110



SENARAI CARTA

Carta	Mukasurat
3.1 Rangka Persampelan Kajian	65

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Setiap budaya mempunyai pelbagai tafsiran tentang perumahan, secara umum perumahan dikaitkan dengan tempat perlindungan, keselamatan, tempat peribadi dan kehidupan sosial (Murie,1983). Dari perspektif Malaysia, Laporan Banci Penduduk dan Perumahan (2000), memberi definisi perumahan sebagai tempat yang berasingan dan bebas dari segi struktur untuk tempat tinggal. Takrifan bebas dan berasingan bermaksud rumah dikelilingi oleh dinding, pagar dan ditutupi bumbung untuk melindungi isirumah daripada panas, hujan dan tujuan keselamatan. Disamping itu, Nurizan dan Ahmad Hariza (2001) menyimpulkan secara umum perumahan adalah satu keperluan asas berbentuk fizikal yang mesti dibekalkan kepada setiap individu supaya dapat hidup dalam keadaan yang sihat dan selamat.

Penilaian perumahan daripada perspektif yang lebih luas dapat merangkumi sembilan dimensi iaitu perumahan sebagai struktur fizikal, tempat untuk menjalinkan hubungan mesra dengan ahli keluarga, tempat privasi, perlindungan, tempat asas menjalankan aktiviti, sebagai jalinan sosial, sebagai identiti diri, sebagai tempat kesinambungan kehidupan dan tempat membesar pada zaman kanak-kanak (Hayward, 1977).

Menurut Vera-Toscano dan Esperanza (2008), perumahan sempurna akan memberi kesan positif manakala perumahan yang tidak sempurna akan memberi kesan yang negatif kepada kehidupan, kerana perumahan merupakan faktor penting yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup secara keseluruhannya. Menurut Khan (1995),



persekitaran sosial dan fizikal perumahan yang sempurna adalah penting bagi kehidupan manusia kerana ia merupakan komponen yang kritikal menyumbang kepada kesejahteraan hidup.

Meeks (1980), menyatakan perumahan yang sempurna ialah yang dapat memenuhi keperluan penghuni, memberi kesejahteraan kepada isirumah dan seterusnya memangkin kepada peningkatan kualiti hidup. Di samping itu, terdapat enam ciri perumahan berkualiti selain daripada memenuhi fungsi asas sebagai tempat perlindungan, iaitu rumah memberikan suasana selesa, nyaman, dingin, bercahaya dan membekalkan peredaran udara yang baik. Dari aspek keselamatan, ia merangkumi rumah yang selamat dari segi rekabentuk, jiran tetangga yang terjamin dan persekitaran dalaman yang teratur. Ia juga mencakupi rumah yang berkemampuan untuk menyediakan peluang bersendirian, bersosialisasi dan privasi serta terletak dalam lingkungan masyarakat dan tidak tersisih agar isirumah boleh berfungsi dalam institusi masyarakat. Perumahan juga merupakan simbol kepada status seseorang dalam masyarakat, oleh itu perumahan yang sempurna akan meningkatkan penghargaan sendiri dan status seseorang ataupun keluarga.

Perumahan yang tidak sempurna dan berkualiti mempengaruhi secara langsung atau tidak langsung dari segi kepuasan perumahan, ketenteraman, kesihatan keluarga, pencapaian akademik bagi kanak-kanak, hubungan kekeluargaan dan indikator sosial yang lain terutamanya kanak-kanak yang sedang membesar (Nurizan, Juliana dan Norfaizura, 1998).

Ketidakmampuan isirumah dalam mencapai keperluan perumahan yang menyokong dan memenuhi keperluan akan mempengaruhi kepuasan perumahan dan memberi impak terhadap kualiti hidup mereka. Persepsi isirumah terhadap perumahan